

| | | | |
|-------------------|---|--------------------|---------------------------|
| Headline | Perlu tunjuk peta, keluasan kawasan dicadang kawasan hijau | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 18 Jul 2024 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 12 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 148 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,830 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,491 |



Perlu tunjuk peta, keluasan kawasan dicadang kawasan hijau

Kuala Lumpur: Kawasan lapang seluas 2,393.79 hektar di ibu negara yang diperuntukkan sebagai kawasan hijau setakat ini mampu membantu mencapai sasaran sifar karbon.

Presiden Persatuan Eko-logi Malaysia Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, kerajaan perlu tunjukkan peta dan keluasan sebenar kawasan yang dicadangkan untuk rakyat tahu di mana dan keluasannya.

“Sebenarnya negara kita memang perlu kawasan hijau terutama di Kuala Lumpur dan Lembah Kepong.

“Isu ini juga dibincang oleh saintis sejak tahun 1970-an lagi. Malah, Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro, Bra-

zil pada 1992 sudah bincang isu berkaitan kawasan hijau yang diperlukan.

“Perbincangan dan polisi terus dibuat apabila dunia memberi perhatian pada perubahan iklim dan kehilangan kepelbagaiannya biologi. Kini kita bercakap mengenai net zero (sifar karbon) pula.

“Justeru, kerajaan mesti melaksanakan segala janji dengan teliti dan kajian yang terperinci,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, untuk pelan struktur Kuala Lumpur 2040, mungkin sudah merancang kawasan hijau yang cukup.

“Berdasarkan kajian yang perlu disegerakan, cadangan keluasan yang sesuai boleh didapati untuk kawasan hijau.

“Kawasan yang dicadangkan itu mesti mampu

membantu mencapai sasaran sifar karbon.

“Malah, pertubuhan badan dan bukan kerajaan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) pernah mencadangkan untuk Greater KL mesti mempunyai cukup kawasan hijau.

“Kawasan seperti Bukit Lagong dan hutan FRIM (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia) mesti juga disimpan.

“Mungkin kawasan Taman Tugu dan Bukit Persekutuan boleh difikirkan untuk disimpan dan dipulihara untuk menyokong keperluan kawasan hijau Kuala Lumpur,” katanya.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa memaklumkan kawasan lapang seluas 2,393.79 hektar di ibu negara diperuntukkan sebagai kawasan hijau setakat ini.